

Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia
Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia

Nurul Huda Abdullah,[✉] Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Perancangan harta merupakan aspek penting dalam kehidupan orang Islam di Malaysia bagi memastikan pengurusan harta semasa hidup dan pengagihan harta selepas kematian dilaksanakan secara teratur serta mematuhi prinsip syariah. Seiring dengan peningkatan kes harta pusaka terbeku saban tahun, hibah semakin mendapat perhatian sebagai instrumen perancangan harta yang berkesan. Persoalan utama yang timbul ialah sejauh mana jenis hibah dan produk yang ditawarkan mampu memenuhi keperluan orang Islam di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti inovasi dan variasi produk hibah yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan agensi perancangan harta di Malaysia, di samping menilai implikasinya terhadap pengurusan harta umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen rasmi, risalah produk, laman web institusi berkaitan dan artikel jurnal. Hasil kajian menunjukkan bahawa inovasi dalam amalan hibah di Malaysia meliputi penerapan teknologi digital dan peningkatan fleksibiliti syarat. Pelbagai bentuk hibah seperti hibah mutlak, hibah bersyarat dan hibah amanah turut diaplikasikan bagi memenuhi keperluan masyarakat. Namun, pelaksanaannya masih berdepan cabaran seperti tahap literasi masyarakat yang rendah, kos pentadbiran yang tinggi serta isu pematuhan syariah. Secara keseluruhan, inovasi dan variasi produk hibah berpotensi memperkukuh perancangan harta Islam serta mengurangkan risiko pertikaian pusaka. Kajian ini turut mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan untuk menilai kesan penggunaan teknologi digital, khususnya *platform* hibah atas talian, terhadap kecekapan, keselamatan dan keberkesanan keseluruhan proses hibah di Malaysia.

KATA KUNCI

Hibah, Perancangan Harta, Inovasi Produk, Variasi Produk.

ABSTRACT

Estate planning constitutes a critical component of financial and personal management for Muslims in Malaysia, ensuring that the administration of assets during one's lifetime and the distribution of wealth upon death are systematically implemented in accordance with Shariah principles. In response to the rising number of unresolved inheritance cases, hibah has increasingly emerged as a prominent and effective instrument in Islamic estate planning. The central issue, however, concerns the extent to which the existing types and products of hibah are capable of addressing the diverse needs of the Muslim community in Malaysia. Accordingly, this study seeks to examine the innovations and variations of hibah products offered by financial institutions and estate planning agencies in Malaysia, while also evaluating their implications for Islamic wealth management. Employing a qualitative research approach, the study conducts content analysis of official documents, product brochures, institutional websites, and relevant academic literature. The findings indicate that innovation in hibah practices in Malaysia encompasses the adoption of digital technology and the enhancement of conditional flexibility. Various forms of hibah, such as absolute hibah, conditional hibah and trust-based hibah, are also applied to meet the needs of society. However, its implementation continues to face several challenges, including low public literacy, high administrative costs and issues related to Shariah compliance. Overall, the innovation and diversification of

Article History

Received: Dec 3, 2025
Revised: Dec 4, 2025
Accepted: Dec 8, 2025
Published: Dec 15, 2025

✉ Contact

Nurul Huda Abdullah
(Corresponding Author)
nhahuda14@gmail.com

Citation

Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda. 2025. Tajuk Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 10(2): 92-103.

Copyright

© 2024 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

hibah products have the potential to strengthen Islamic wealth planning and reduce the risk of inheritance disputes. This study also recommends that further research be conducted to evaluate the impact of digital technology, particularly online hibah platforms on the efficiency, security and overall effectiveness of the hibah process in Malaysia.

KEYWORDS

Hibah, Estate Planning, Product Innovation, Product Variation.

PENGENALAN

Isu harta pusaka terbeku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia semakin meruncing apabila nilai harta tidak dituntut dilaporkan meningkat daripada sekitar RM70 bilion pada tahun 2020 (Harian Metro, 2020) kepada hampir RM90 bilion pada tahun 2021 (Utusan Malaysia, 2021). Harta terbeku merujuk kepada aset atau harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia tetapi masih belum dapat diagihkan kepada waris yang sah akibat ketiadaan permohonan pentadbiran pusaka, pertikaian dalam kalangan waris, kekurangan dokumen sokongan atau kelewatan proses pentadbiran oleh pihak berkuasa (Halim et al., 2025). Keadaan ini menyebabkan harta tersebut kekal tidak bergerak dan tidak boleh dipindah milik sehingga proses perundangan serta pengesahan hak waris diselesaikan sepenuhnya.

Sementara itu, dalam tempoh yang sama, Bahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) turut merekodkan 72,348 kes pusaka kecil yang tertunggak, dengan negeri Kedah dan Selangor mencatat jumlah kes tertinggi (Dagang News, 2021). Keadaan ini bertambah kritikal apabila pandemik COVID-19 menjejaskan kelancaran perbicaraan dan urusan pentadbiran pusaka, sekali gus menambahkan lambakan kes yang belum diselesaikan.

Menyedari implikasi sosial dan ekonomi yang besar, kerajaan telah mengambil langkah intervensi seperti menambah 95 pegawai kontrak sebagai usaha mempercepatkan penyelesaian backlog kes (Parlimen Malaysia, 2023, p. 36), selain melaksanakan Klinik Tunggalan Kes Pusaka di beberapa negeri sebagai mekanisme sokongan terus kepada waris (Kementerian Sumber Asli, Tenaga dan Air, 2022). Dalam kerangka penyelesaian jangka panjang, para sarjana mencadangkan penggunaan hibah sebagai salah satu instrumen perancangan harta

yang berkesan untuk mengurangkan pembekuan harta pusaka.

Dalam usaha menangani isu ini, pelbagai institusi kewangan Islam dan agensi perancangan harta telah mula menawarkan produk perancangan harta yang patuh syariah (Muda et al., 2022; Shokeri et al., 2023; Amin & Ismail, 2022). Antara instrumen yang signifikan adalah hibah, yang memberikan peluang kepada pemberi untuk memberikan harta kepada penerima semasa hidup mereka secara sah, fleksibel, dan patuh syariah (Abdullah et al., 2024; Azmi et al., 2021; Mohd Izzat et al., 2023; Azhar, 2022). Berbeza dengan wasiat yang hanya berkuat kuasa selepas kematian, hibah membolehkan harta diserahkan segera kepada penerima, sekaligus mengurangkan risiko pertikaian pusaka (Halim & Ahmad Bustami, 2019; Moidin et al., 2023; Abdul Hamid & Mohd Yunus, 2020; Yaakub et al., 2024; Abdullah Termizi & Moidin, 2025)

Hibah berfungsi memastikan pemilikan harta berpindah secara sah semasa hidup, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada proses pentadbiran pusaka selepas kematian dan membantu mengatasi isu lambakan kes (Mohd Noor, 2019). Pendekatan ini seiring dengan usaha kerajaan melalui pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang menaikkan had nilai pusaka daripada RM2 juta kepada RM5 juta (Parlimen Malaysia, 2023, p. 36), menjadikannya lebih relevan dengan keadaan semasa dan mampu memperkasa sistem pengurusan pusaka di Malaysia secara holistik.

Abdullah dan Mat Ali (2024) mendapati bahawa pindaan Akta 98 menandakan peluasan bidang kuasa, penambahbaikan tadbir urus, pemendekan tempoh pentadbiran pusaka, serta penggunaan petisyen elektronik, sekali gus meningkatkan keberkesanan proses pentadbiran pusaka kecil. Selain itu, kajian oleh Ibrahim, Ismail, Sopian, Ramli, dan Idris Shazali (2024)

menggariskan bahawa peningkatan had nilai pusaka dan mekanisme baharu seperti *Summary Distribution* serta pelantikan pentadbir sementara (pendente lite) menyelaraskan sistem pengurusan pusaka kecil dan memudahkan waris membuat tuntutan. Selepas pindaan Akta Pusaka Kecil, had nilai pusaka kecil ditetapkan sehingga RM 5 juta, dan skop pusaka diluaskan kepada aset alih dan tak alih dan bukan lagi tertakluk kepada harta tak alih sahaja—(Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan, 2025)

Selain itu, kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perancangan harta secara proaktif masih berada pada tahap rendah. Ramai waris hanya mengetahui hak mereka selepas berlaku kematian, sekaligus menyebabkan kelewatan dan pertikaian dalam proses pembahagian pusaka. Faktor ini berpunca oleh kekurangan informasi yang sistematik dan kemudahan akses kepada proses pengurusan pusaka, khususnya di kawasan luar bandar. Kajian oleh Rahman, Ismail, dan Zulkifli (2022) menunjukkan bahawa kurang daripada 30% isi rumah Muslim di Malaysia mempunyai dokumen perancangan harta, sama ada melalui hibah atau wasiat, sekaligus menimbulkan risiko pembekuan aset dan konflik keluarga.

Tambahan pula, aspek literasi kewangan Islam dalam konteks perancangan harta masih perlu diperkasa. Walaupun institusi kewangan Islam menawarkan pelbagai produk perancangan harta patuh syariah, tahap pemahaman masyarakat terhadap mekanisme hibah masih terbatas. Hal ini menuntut pendekatan pendidikan dan kempen kesedaran yang lebih menyeluruh untuk memastikan waris dapat membuat keputusan yang tepat dan mengelakkan pertikaian di kemudian hari (Abdul Rahman & Noor, 2023).

Dari perspektif sosial, lambakan kes pusaka yang belum diselesaikan bukan sahaja menjejaskan waris, tetapi juga memberi impak kepada ekonomi negara. Harta yang tidak dituntut mengakibatkan aset negara kurang produktif, dan kelewatan penyelesaian pusaka boleh menimbulkan ketegangan keluarga serta menjejaskan kesejahteraan waris yang bergantung kepada harta tersebut. (Roslan & Ahmad, 2022) Oleh itu, dalam usaha menangani cabaran pengurusan harta umat Islam, kajian ini meneliti inovasi dan variasi produk hibah yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan agensi perancangan harta di Malaysia, serta menilai implikasi penggunaannya terhadap pengurusan harta.

KONSEP HIBAH

Hibah merupakan salah satu instrumen dalam Islam yang membolehkan pemindahan harta secara sukarela daripada pemberi kepada penerima, sama ada semasa hidup pemberi atau sebagai persediaan untuk pengagihan harta selepas kematian. (Azmi, Abdullah, & Mohd Izzat, 2021; Mohd Izzat, Azmi, & Abdullah, 2023). Konsep hibah mempunyai kedudukan yang penting kerana ia bukan sahaja menekankan prinsip kedermawanan dan kemurahan hati, tetapi juga berfungsi sebagai alat perancangan harta yang fleksibel dalam konteks masyarakat moden.

Hibah merupakan perkataan arab yang berasal daripada kata kerja *wahaba* (وَهَبَ) yang bermaksud *tabarru'* iaitu sumbangan. Perkataan tersebut daripada segi bahasa membawa maksud pemberian secara sukarela daripada satu pihak kepada individu yang lain tanpa menerima sebarang imbalan mahupun balasan (Ibnu Manzur, 1414). Hibah merupakan amalan yang disyariatkan di dalam Islam dan hukumnya adalah sunat dan digalakkan, terutamanya apabila diberikan kepada ahli keluarga terdekat. Antara dalil galakan hibah yang terdapat di dalam al-Quran ialah firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kaum kerabat, anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang dalam perjalanan (musafir), peminta sedekah ...”
(Surah al-Baqarah, 2:177)

Rukun hibah menurut jumhur ulama ada empat (al-Zuhayli, Wahbah, 2004, hlm.7-8) iaitu:-

- i. Pemberi hibah (*al-Wahib*)
Orang yang memiliki barang yang diberi.
- ii. Penerima hibah (*al-Mawhub lahu*)
Penerima hibah ialah semua orang.
- iii. Harta yang dihibah (*al-Mawhub*)
Segala barang yang dimiliki.
- iv. Sighah (*Ijab dan Qabul*)
Perkara yang dituntut dalam ijab dan qabul berupa perkataan atau

perbuatan seperti lafaz hadiah, hibah, pemberian dan yang seumpamanya

Seterusnya setiap jenis hibah mempunyai ciri-ciri, implikasi hukum, dan aplikasi praktikal yang berbeza, yang kesemuanya relevan dalam konteks perancangan harta Islam moden (Azmi, Abdullah, & Mohd Izzat, 2021; Othman et. al, 2017). Hibah menekankan tiga elemen utama, iaitu niat ikhlas pemberi (*niyyah*), penyerahan harta secara fizikal atau simbolik (*qabd*), dan persetujuan penerima (*consent*) yang memastikan pemindahan hak milik berlaku secara sah dan patuh syariah (Abdullah, Azmi, Mohd Izzat, & Azhar, 2024). Berdasarkan ketiga-tiga elemen utama tersebut, jelas bahawa hibah bukan sahaja sekadar pemberian harta, tetapi juga suatu amalan yang menekankan keikhlasan, kejelasan pemindahan hak milik, dan persetujuan penerima, sekaligus memastikan ia dilaksanakan dengan cara yang sah dan berpandukan syariah.

JENIS-JENIS HIBAH

Othman et al. (2017) berpandangan hibah boleh dibahagikan kepada beberapa jenis utama, iaitu hibah mutlak, hibah bersyarat, dan hibah dengan syarat balasan. Pertama, hibah mutlak adalah bentuk hibah yang paling asas kerana ia melibatkan pemberian harta secara sukarela tanpa sebarang syarat tambahan atau kewajipan balasan daripada penerima. Hibah mutlak merujuk kepada pemberian harta secara langsung dan sepenuhnya tanpa syarat atau sekatan kepada penerima, di mana pemindahan hak milik boleh berlaku serta-merta semasa pemberi masih hidup dan penerima mempunyai hak milik penuh terhadap harta tersebut (Jupidi, 2020; Othman et. al, 2017).

Konsep ini menekankan sifat pemberian sukarela tanpa sebarang balasan atau tanggungjawab tambahan ke atas penerima, sejajar dengan definisi hibah secara umum sebagai pemberian tanpa imbuhan dan dengan niat ikhlas. Kajian Amylia Fuziana Azmi (2023) juga menegaskan bahawa hibah mutlak merupakan instrumen penting dalam perancangan harta kerana ia memudahkan pemindahan harta secara sah dan mengurangkan risiko pertikaian undang-undang.

Oleh itu, Mahkamah Syariah di Malaysia menekankan bahawa hibah mutlak hanya dianggap sah dan mengikat apabila rukun hibah dipenuhi, khususnya pelaksanaan penerimaan

(*qabd*) serta kewujudan bukti dokumentasi yang jelas (Roslan & Mohamad, 2021). Apabila *qabd* dibuktikan sama ada melalui penguasaan harta, penyerahan fizikal, atau dokumen yang menunjukkan pemindahan kawalan, pemilikan penerima hibah tidak boleh dipertikaikan oleh waris lain (Nor Muhamad, 2009). Kajian Mokhtar, Wan Ismail, dan Baharuddin (2020) menegaskan bahawa dokumen hibah merupakan bukti penting dalam pengesahan hibah di Mahkamah Syariah, dan Mokhtar (2024) menambahkan bahawa dokumen persendirian seperti surat hibah, akuan serah milik, dan catatan pemilikan diterima sekiranya memenuhi kaedah pembuktian syariah.

Konsep ini menekankan bahawa hibah mutlak bukan sahaja memenuhi keperluan pemberian secara sukarela, tetapi juga menyediakan mekanisme untuk pengurusan harta yang teratur dan berlandaskan prinsip syariah, terutamanya apabila berkaitan dengan harta tak alih seperti hartanah atau aset bernilai tinggi (Muda, Rosdi, & Mohamed Said, 2023).

Kedua, hibah bersyarat merujuk kepada pemberian harta yang disertakan dengan syarat tertentu, di mana kesahihan atau keberkesanan hibah tersebut bergantung kepada pemenuhan syarat yang ditetapkan oleh pemberi (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017; Rosmiza Ismail, 2022; Nurab Abd Madzi, 2021). Syarat ini boleh melibatkan tempoh hayat pemberi atau penerima, peristiwa tertentu yang perlu berlaku, atau pencapaian matlamat khusus oleh penerima. Contohnya termasuk hibah yang diberikan dengan syarat penerima menjaga pemberi sehingga akhir hayat atau hibah yang hanya sah apabila penerima mencapai umur tertentu (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017).

Selain daripada hibah bersyarat umum seperti yang telah diperbincangkan, dalam fiqh Islam juga wujud dua bentuk hibah bersyarat khusus yang dikenal sebagai hibah *ruqba* dan hibah *'umra*. Hibah *ruqba* ialah hibah di mana pemilikan harta dihibahkan dengan disyaratkan bergantung kepada siapa yang mati terlebih dahulu antara pemberi dan penerima. Sekiranya penerima mati dahulu, harta kembali kepada pemberi; sebaliknya jika pemberi yang meninggal dahulu, harta menjadi milik penerima (Othman et. al, 2017). Majoriti fuqaha, termasuk mazhab Syafi'i dan Hanbali, menerima hibah *ruqba* sebagai sah, tetapi menyatakan bahawa syarat kematian (syarat *ruqba*) dianggap batal

setelah penerima mengambil alih harta. (Othman et. al, 2017). Mazhab Maliki pula menganggap syarat ruqba tetap berkuatkuasa, iaitu apabila penerima mati dahulu, barulah harta dikembalikan kepada pemberi atau warisnya (Othman et. al, 2017).

Sementara itu, hibah 'umra merujuk kepada pemberian manfaat harta sepanjang hayat penerima hibah atau sepanjang hayat pemberi hibah, tetapi dengan syarat bahawa setelah salah satu pihak meninggal, harta tersebut kembali kepada pihak tertentu, misalnya pemberi atau warisnya (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017; Nurab Abd Madzi, 2021). Dalam mazhab Maliki, 'umra dianggap bukan pemindahan milik penuh tetapi lebih menyerupai hak penggunaan (manfaat) sepanjang hayat penerima, dan setelah kematian pihak yang ditentukan, pemilikan semula berlaku (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017).

Hibah *ruqba* telah menjadi instrumen yang semakin penting dalam industri perancangan harta kerana membolehkan pemberi mengekalkan kawalan ke atas aliran harta sementara, juga merancang agihan harta secara fleksibel (Said, Yusoff, Muda, & Zakaria, 2022). Namun begitu, terdapat kekhuatiran berkaitan elemen gharar (ketidakpastian) dalam *ruqba*, kerana pemilikan harta diikat pada kematian dan isu ini masih menjadi perdebatan dalam kalangan ulama dan pengamal perancangan harta Islam (Said et al., 2022).

Secara umum, kebanyakan fuqaha mengiktiraf hibah dengan ruqba bersyarat sebagai sah, tetapi mereka berbeza pendapat sama ada syarat itu boleh dikuatkuasakan atau tidak. Beberapa fuqaha berpendapat akad itu tidak sah kerana unsur ketidakpastian (gharar), di mana menunggu kematian pihak tertentu untuk memperoleh harta boleh menimbulkan pertikaian di kalangan waris. Kajian oleh Said et al. (2022) menunjukkan bahawa unsur ketidakpastian dalam hibah bersyarat adalah faktor utama perbezaan pendapat fuqaha mengenai keabsahannya. Namun begitu, fuqaha seperti al-Qasim bin Muhammad, Abu Salamah, dan Ibn al-Arabi membenarkan ruqba bersyarat dengan alasan manusia biasanya mematuhi janji berkaitan harta. Imam Malik juga membenarkan amalan ini dengan menganggapnya serupa dengan umra, di mana yang diberikan adalah manfaat harta, bukan harta itu sendiri. Manfaat ini diberikan kepada penerima hibah sepanjang hayat, tetapi harta akan dikembalikan kepada

pemberi jika penerima meninggal dahulu. Oleh itu, syarat dan niat ruqba perlu dijelaskan dengan jelas agar akad sah, tidak menimbulkan pertikaian, dan selari dengan prinsip perancangan aset Islam (Said et al., 2022).

Ketiga, hibah dengan syarat balasan pula ialah hibah yang memerlukan penerima memberikan sesuatu balasan kepada pemberi sebagai sebahagian daripada syarat pemberian. Jenis hibah ini menggabungkan unsur sukarela dan kontrak bersyarat, walaupun penerima diminta memenuhi kewajipan balasan, sifat asas hibah sebagai pemberian ikhlas (*tabarru'*) tetap perlu dipelihara (Othman et. al, 2017). Konsep ini menekankan bahawa walaupun wujud syarat atau kewajipan tertentu, niat pemberi untuk memberikan harta secara ikhlas tidak terjejas kerana asas hibah dalam Islam adalah *tabarru'* dan bukan pertukaran (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017). Kajian menunjukkan bahawa hibah bersyarat dengan syarat balasan berpotensi digunakan dalam produk kewangan Islam dan instrumen perancangan harta moden, termasuk hibah amanah (*trust* hibah), di mana pemberi masih boleh mengawal penggunaan harta melalui syarat-syarat tertentu tanpa menjejaskan keabsahan akad hibah itu sendiri (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017).

Kesemua jenis hibah ini mempunyai implikasi yang signifikan dalam perancangan harta Islam. Hibah mutlak menawarkan kesederhanaan dan kepastian milikan, manakala hibah bersyarat dan hibah dengan syarat balasan menawarkan fleksibiliti dalam menyusun pengagihan harta semasa hidup pemberi, memastikan harta digunakan mengikut kehendak pemberi dan memenuhi syarat syariah. Walau bagaimanapun, fleksibiliti ini memerlukan perhatian yang teliti terhadap syarat, pemindahan milikan, dan pelaksanaan akad hibah supaya tidak timbul sebarang konflik yang bertentangan dengan syarak (Othman et. al, 2017). Sehubungan dengan itu, hibah amanah (*trust* hibah) semakin mendapat perhatian dalam perancangan harta kerana ia menggabungkan akad hibah dengan Amanah. Kaedah ini memastikan harta yang dihibahkan dilindungi dan diuruskan secara profesional mengikut hasrat pemberi, di samping mengurangkan risiko pertikaian dalam kalangan waris.

HIBAH AMANAH

Perkembangan semasa dalam perancangan harta Islam telah melahirkan beberapa instrumen moden yang berasaskan prinsip hibah. Salah satu instrumen yang semakin meluas digunakan ialah hibah amanah. Walaupun ia tidak termasuk dalam kategori hibah syarak, hibah amanah dibentuk melalui penggabungan prinsip hibah dengan unsur amanah (*trust*) bagi memenuhi keperluan pengurusan harta secara lebih teratur dan terjamin. Elemen utama hibah amanah termasuk pemberi hibah, pemegang amanah (*trustee*), benefisiari, harta hibah, dan dokumentasi serta syarat pelaksanaan yang jelas (Abdullah & Moidin, 2025).

Menerusi hibah amanah, pemberi hibah menyampaikan hasrat pemilikan kepada penerima, namun pengurusan atau kuasa ke atas harta tersebut ditempatkan di bawah amanah sehingga tempoh, keadaan atau syarat tertentu dipenuhi. Pendekatan hibrid ini membolehkan hibah diaplikasikan dengan lebih fleksibel dalam konteks perundangan dan kewangan moden tanpa menyalahi prinsip asas syarak.

Hibah amanah adalah suatu instrumen perancangan harta Islam yang menggabungkan konsep hibah (pemberian sukarela tanpa balasan) dan amanah (*trust*), di mana pemberi hibah menyerahkan harta kepada penerima tetapi pemilikan atau pengurusannya dikawal melalui mekanisme amanah. Dalam konteks ini, pemberi hibah menyerahkan harta kepada penerima tetapi pemilikan atau pengurusannya dipegang oleh pemegang amanah sehingga syarat tertentu dipenuhi (Wan Kamal Mujani et al., 2020).

Pemberi boleh menetapkan syarat-syarat tertentu, termasuk waktu pemindahan milik atau kondisi lain supaya harta itu diurus atau diserahkan mengikut kehendak beliau. Instrumen ini memberikan lebih kawalan dan kepastian kerana pemegang amanah bertanggungjawab menjalankan amanah berdasarkan hibah amanah yang ditetapkan.

Instrumen ini semakin mendapat tempat dalam perancangan harta Islam masa kini kerana fleksibilitinya dalam menangani isu-isu pewarisan harta. (Zulkepli & Bustami, 2022). Sebagai contoh, melalui hibah amanah hartanah, pemilik harta tak alih dapat mewariskan hibah kepada waris tertentu tanpa perlu segera menyerahkan pemilikan fizikal, sekaligus mengurangkan konflik pembahagian farā'id dan memudahkan pelaksanaan pembahagian secara berstruktur. (Zulkepli & Bustami, 2022).

Lebih menarik lagi, hibah amanah turut mendapat perhatian dalam konteks pembangunan lestari. Kajian oleh Jaapar, Moidin, dan Arif (2024) mendapati bahawa hibah amanah boleh menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) melalui pengurusan harta yang mampan iaitu merangkumi SDG pertama, empat, lima dan lapan, misalnya dalam aspek pengurangan kemiskinan dan menggalakkan pendidikan serta kesaksamaan gender. Para pengkaji menegaskan bahawa struktur *trust* dalam hibah amanah bukan sahaja sesuai dari sudut agama, tetapi juga relevan secara sosial dan ekonomi, menjadikannya satu instrumen perancangan harta yang berpotensi tinggi dalam masyarakat Islam.

Dalam perancangan harta pusaka Islam, konsep amanah berfungsi sebagai alat penting bagi memastikan harta diwarisi dan diurus menurut prinsip syariah. Melalui amanah, pemilik harta dapat menyalurkan aset mereka kepada penerima tertentu dengan pengurusan yang tersusun, sejajar dengan kehendak pewaris dan matlamat syariah (Abdullah, Awang, & Zakaria, 2023). Salah satu bentuknya ialah hibah amanah, iaitu pemberian aset di bawah amanah di mana penerima hanya mendapat manfaat daripada harta tersebut tanpa memiliki hak milik penuh sehingga syarat amanah dipenuhi (Abdullah, Awang, Zakaria, & Nor Muhamad, 2023). Kajian kes di Amanah Raya Berhad serta di negeri Perlis menunjukkan bahawa penggunaan amanah dapat membantu mengurangkan konflik dalam pengagihan harta dan memudahkan proses pembahagian aset secara adil mengikut hukum Islam (Abdullah, Awang, & Zakaria, 2023; Abdullah, Awang, Zakaria, & Nor Muhamad, 2023). Oleh itu, amanah bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengurusan harta, tetapi juga memastikan matlamat pewarisan yang berpandukan syariah dapat dicapai dengan lebih efektif.

Manakal kajian Mohd Zamro, Rosdi, dan Mohamed Said (2022) menekankan cabaran undang-undang dalam pelaksanaan hibah amanah hartanah. Walaupun instrumen hibah amanah digunakan secara meluas, kekangan perundangan yang wujud boleh menjejaskan keberkesanannya. Perkara ini dapat dilihat dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah. Pertikaian mengenai bidang kuasa boleh dirujuk melalui kes Dato' Kadar Shah bin Tun Sulaiman v Datin Fauziah binti Harun [2008] 4 CLJ 504 yang didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada tahun 1999, plaintif telah memasukkan

sejumlah USD 50,000 ke dalam akaun bank isterinya, defendan. Pada Jun 2003, berlaku perceraian antara plaintif dan defendan. Selepas itu, plaintif menuntut kembali sejumlah USD 50,000 yang dikatakan sebagai amanah daripadanya. Defendan menolak tuntutan tersebut dengan menyatakan bahawa wang itu merupakan pemberian atau hibah daripada plaintif kepadanya. Defendan juga menimbulkan isu bahawa kes hibah sepatutnya dikendalikan oleh Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivik mengikut Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Namun, Hakim Hishamudin memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk menangani tuntutan berkaitan amanah yang dibangkitkan oleh plaintif. Selain itu, hakim membenarkan defendan memanggil pakar undang-undang Islam untuk membuktikan kewujudan hibah tersebut. Akhirnya, mahkamah menolak rayuan defendan.

Prinsip syariah menekankan kebebasan pemilik harta, amanah, keadilan, dan *maslahah 'ammah*, iaitu manfaat bukan sahaja untuk individu tetapi juga masyarakat (Moidin et al., 2023; Jaapar, Moidin, & Mohd Arif, 2024). Pendekatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan hibah bukan sahaja memenuhi kehendak pemilik harta tetapi juga sejajar dengan prinsip syariah dalam memastikan kesejahteraan individu dan masyarakat, malah membuka ruang bagi inovasi dalam pengurusan hibah untuk memastikan manfaat yang lebih tersusun dan meluas kepada masyarakat.

Seterusnya, inovasi hibah dapat dilihat melalui peluasan skop pengurusan harta, terutamanya dalam bentuk hibah amanah. Berbanding dahulu yang hanya menumpukan kepada pemindahan hakmilik secara langsung, hibah amanah kini merangkumi pengurusan hartanah, pelaburan, tabungan pendidikan, serta dana generasi masa hadapan. Pendekatan ini membolehkan aset diurus secara profesional bagi tujuan pertumbuhan jangka panjang, sekali gus menjamin manfaat berterusan kepada penerima (Moidin et al., 2023).

Kajian juga menunjukkan bahawa hibah amanah dapat mengurangkan konflik keluarga serta memastikan kesinambungan ekonomi waris melalui struktur pengurusan yang lebih sistematik (Kamarudin & Nor Muhamad, 2018). Peluasan skop hibah amanah kepada pengurusan pelaburan dan hartanah membolehkan aset berkembang secara sistematik. Pengurusan oleh pemegang amanah profesional menjamin kesinambungan manfaat, terutama untuk

generasi seterusnya. Model ini bertepatan dengan matlamat maqasid syariah dalam menjaga harta (*al-mal*) dan memastikan perkembangan ekonomi keluarga berterusan (Kamarudin & Nor Muhamad, 2018). Oleh itu, perhatian perlu diberikan kepada inovasi dan variasi produk hibah di pasaran Malaysia bagi memastikan kesesuaian instrumen tersebut dengan keperluan masyarakat Islam di Malaysia.

INOVASI DAN VARIASI PRODUK HIBAH DI MALAYSIA

Inovasi dan variasi dalam produk hibah pada masa kini menunjukkan perkembangan yang semakin dinamik selari dengan keperluan masyarakat moden. Salah satu perubahan ketara ialah penggunaan teknologi digital dalam pendaftaran dan pengurusan hibah. Melalui portal atau aplikasi atas talian, pemberi hibah dapat membuat pendaftaran, memantau status hibah, dan mengurus dokumen secara lebih sistematik. Penggunaan sistem elektronik ini dilihat meningkatkan kecekapan, ketelusan, serta keselamatan data pelanggan (DagangNews, 2024).

Di samping itu, variasi produk hibah membolehkan pemberi menguruskan harta semasa hidup dengan lebih berkesan, disamping memastikan pemindahan harta kepada penerima dijalankan secara sah dan teratur, seterusnya mengurangkan risiko pertikaian pusaka di kalangan waris (Abdullah, Othman, & Mohamad, 2024; Othman et al., 2017).

Inovasi hibah digital melalui aplikasi UsraHDD oleh Wasiyyah Shoppe menandakan satu langkah signifikan dalam transformasi pengurusan harta menurut prinsip Syariah di Malaysia. Melalui sistem aplikasi mudah alih sepenuhnya tanpa kertas, UsraHDD membolehkan pelaksanaan akad hibah secara digital dan *real-time* tanpa memerlukan sebarang dokumen fizikal. Segala dokumen hibah yang berkaitan disimpan secara selamat dalam storan awan, sekali gus membolehkan pemberi dan penerima hibah mengaksesnya pada bila-bila masa melalui aplikasi tersebut (DagangNews, 2024).

Perkembangan penting dalam ekosistem hibah digital berlaku pada 31 Mac 2024 apabila Mahkamah Syariah Johor mengeluarkan perintah pengesahan pertama untuk hibah digital yang dilaksanakan melalui UsraHDD. Keputusan ini bukan sahaja mengesahkan kesahan proses digital tersebut dari sudut undang-undang

Syariah, tetapi turut mengukuhkan kedudukan UsraHDD sebagai platform yang patuh Syariah dan boleh dipercayai (DagangNews, 2024). Pengiktirafan ini membawa mesej bahawa integrasi teknologi seperti e-KYC, keselamatan data, serta penyimpanan awan ke dalam instrumen hibah adalah satu pendekatan yang diterima oleh institusi perundangan Islam.

Penerapan digitalisasi telah mengubah ekosistem pengurusan hibah secara signifikan. Antara kelebihan utama ialah akses terus-menerus kepada maklumat hibah, keselamatan data yang lebih baik, serta pengurangan kos pentadbiran. Hal ini seiring dengan trend global digitalisasi perkhidmatan kewangan Islam yang menekankan automasi, ketelusan, dan kemudahan pengguna (Mahmod et al., 2022).

Selain itu, fleksibiliti syarat hibah merupakan satu lagi ciri inovatif yang semakin diterima dalam pasaran. Agensi perancangan harta kini memberikan ruang kepada pemberi hibah untuk mengubah syarat tertentu seperti tempoh penyaluran aset, struktur bayaran manfaat, dan arahan pengurusan aset, selagi perubahan tersebut tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Fleksibiliti ini penting kerana ia membolehkan hibah disesuaikan mengikut keperluan hidup yang sentiasa berubah seperti keadaan kewangan, status kesihatan, dan keperluan keluarga (Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017). Justeru, hibah menjadi instrumen perancangan harta yang lebih adaptif dan realistik.

Dalam perubahan ekonomi dan gaya hidup di Malaysia, fleksibiliti syarat memberi kebebasan kepada pemberi hibah untuk menyesuaikan perancangan harta mengikut perubahan keadaan. Fleksibiliti ini juga menjadikan hibah lebih kompetitif dengan instrumen perancangan harta lain. Dari sudut syariah, penyesuaian syarat dibenarkan selagi tidak melanggar prinsip pemilikan dan kejelasan akad (Wasiyyah Shoppe Berhad, 2019).

Di samping itu, Kamal dan Mohamed Said (2025) menekankan kepentingan Fatwa Negeri Selangor 2021 sebagai panduan untuk memastikan syarat hibah diiktiraf dan diurus mengikut prinsip Syariah. Justeru, pemberi harta boleh menyerahkan harta kepada benefisiari secara berperingkat atau dengan syarat tertentu, memastikan harta digunakan secara adil dan bermanfaat (Muda, Rosdi, & Mohamed Said, 2022).

Selain itu, variasi terhadap hibah amanah merupakan produk yang semakin mendapat sambutan di Malaysia. Melalui mekanisme ini,

harta dihibahkan tetapi dipegang dan diurus oleh pemegang amanah sehingga berlaku peristiwa tertentu, seperti kematian pemberi. Struktur ini membolehkan perancangan harta jangka panjang, pengurusan aset bercagar, serta perlindungan kepada penerima yang masih di bawah umur. Beberapa agensi terkenal yang menawarkan produk ini termasuk Tabung Haji Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBAmanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad (WSB) dan juga as-Salihin Trustee Berhad.

Lembaga Tabung Haji menawarkan Hibah Amanah TH. Produk ini membolehkan pendeposit menamakan penerima manfaat bagi simpanan mereka, dan pemindahan simpanan tersebut berlaku secara automatik selepas kematian pendeposit tanpa perlu melalui proses pusaka. Pendekatan ini meningkatkan kecekapan pengurusan harta, mempercepatkan tuntutan waris, dan memberikan jaminan kepada pendeposit bahawa simpanan mereka akan diagihkan mengikut kehendak mereka (Lembaga Tabung Haji, 2025). Selain itu, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBA) menyediakan Hibah Amanah Unit Amanah, yang membolehkan unit-unit pelaburan dipindahkan kepada penerima yang dinamakan secara automatik selepas kematian pemberi hibah. Hibah amanah ASNBA diperkenalkan pada tahun 2013. (ASNBA, 2024). Mekanisme ini mengurangkan keperluan dokumentasi pusaka yang rumit dan membolehkan waris menerima manfaat pelaburan dengan lebih segera (ASNBA, 2024).

Produk hibah yang ditawarkan oleh agensi perancangan harta, seperti ARB dan WSB adalah lebih kompleks dan tersusun, khususnya bagi individu yang ingin mengekalkan kawalan ke atas aset bernilai tinggi. Melalui hibah amanah, pemberi menyerahkan aset kepada pemegang amanah untuk diuruskan mengikut syarat tertentu, sehingga pemindahan hak milik sepenuhnya kepada benefisiari dapat dilakukan secara berperingkat. Kaedah ini sangat sesuai untuk aset bernilai tinggi atau situasi di mana pengagihan faraid memerlukan kawalan yang teliti, kerana ia dapat mengurangkan konflik pembahagian harta dan memastikan penggunaan aset selaras dengan kehendak pemberi (Zulkepli & Bustami, 2022).

Selain itu, hibah bersyarat yang memerlukan penerima menunaikan tanggungjawab tertentu sebelum hak milik sepenuhnya diberikan, contohnya menanggung kos pendidikan adik-beradik atau penjagaan ibu bapa. Pendekatan ini membolehkan pemberi merancang pengurusan harta secara lebih teratur

sambil mengekalkan kepatuhan syariah (Othman, Mohamed Said, & Muda, 2017).

Justeru, WSB menyediakan dokumen hibah bersyarat bagi Hartanah (sama ada bercagar atau tidak), akaun takaful, akaun Tabung Haji, barang kemas, kenderaan, akaun bank bersama, saham koperasi, saham syarikat, saham amanah / unit trust dan Amanah hartanah (*trust* hartanah). Format hibah disemak dan diluluskan oleh panel Syariah mereka yang sangat berpengalaman dan telah memperoleh lebih daripada 400 perintah pengesahan hibah daripada Mahkamah Tinggi Syariah (Wasiyyah Shoppe Berhad, 2022).

Menurut Othman, Mohamed Said, dan Muda (2017), hibah bersyarat telah dikomersialkan oleh pelbagai agensi perancangan harta di Malaysia, termasuk Amanah Raya Berhad, Wasiyyah Shoppe, dan Tabung Haji sebagai instrumen perancangan harta. Walau bagaimanapun, ketiadaan kodifikasi perundangan khusus mengenai hibah menyebabkan Mahkamah Syariah bergantung kepada pandangan fuqaha, yang mengakibatkan ketidakkonsistenan dalam pengiktirafan hibah bersyarat. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat variasi pendapat di kalangan hakim Syariah, hibah bersyarat tetap mempunyai potensi praktikal dalam perancangan harta umat Islam di Malaysia.

Produk *hibah lil wakaf* yang ditawarkan oleh agensi perancangan harta pula memberi fokus kepada manfaat komuniti, seperti pembangunan pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur awam. Konsep ini bukan sahaja memanfaatkan penerima langsung, malah menyumbang kepada kebaikan masyarakat secara keseluruhan, selaras dengan prinsip *maslahah 'ammah* (Jaapar, Moidin, & Arif, 2024). Program *hibah lil wakaf* dilancarkan pada Oktober 2019 dan memperoleh kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor yang membolehkan peserta menunaikan hibah ke atas harta mereka. Pelaksanaan hibah ini boleh dijalankan sama ada semasa hayat peserta atau selepas kematian, dengan matlamat utama agar harta tersebut diwakafkan bagi manfaat masyarakat (Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2024).

Dalam sektor perbankan Islam, CIMB Islamic memperkenalkan produk Rancang Hibah, yang menggabungkan instrumen prihibah dengan dokumen wasiat secara komprehensif. Produk ini membolehkan pelanggan melantik pemegang amanah bagi penerima yang masih di bawah umur, dan

menyediakan pilihan untuk membatalkan hibah bagi anak atau cucu jika diperlukan (CIMB Islamic, 2025) Rancang hibah mencerminkan pendekatan perancangan harta yang lebih dinamik, fleksibel, dan sesuai dengan keperluan keluarga moden.

Selain itu juga, agensi perancangan harta turut menawarkan hibah bercagar, di mana aset tertentu dicagarkan bagi menjamin manfaat hibah kepada penerima. Pendekatan ini memastikan faedah hibah dapat disalurkan secara berterusan dan terurus, sekaligus memberikan perlindungan kepada penerima serta memudahkan pengurusan harta. Hibah bercagar mencerminkan strategi perancangan harta yang sistematik dan selaras dengan prinsip syariah, khususnya bagi keluarga yang ingin memastikan pengagihan harta dijalankan secara teratur dan berkesan (Noor Lizza & Wan Amirul Adli, 2021). Dalam praktik di Malaysia, WSB adalah salah satu agensi perancangan harta terkemuka yang memperkenalkan hibah hartanah bercagar sejak 2015, dan sehingga Disember 2020, telah membantu lebih 45,000 individu menyiapkan dokumen hibah harta bercagar (Wasiyyah Shoppe Berhad, 2022).

Secara keseluruhannya, variasi produk hibah yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam dan agensi perancangan harta meningkatkan fleksibiliti dan keberkesanan perancangan harta. Pemberi boleh memilih produk yang sesuai mengikut jenis aset, tujuan, tahap kawalan yang diinginkan, dan literasi kewangan mereka. Produk seperti hibah bercagar dan hibah amanah membolehkan pengurusan aset dijalankan secara lebih teratur, selaras dengan prinsip Syariah, sambil meminimumkan risiko pertikaian pusaka. Tambahan pula, variasi produk ini turut menyokong pembangunan sosial dan ekonomi, misalnya melalui hibah amanah hartanah yang memberi manfaat kepada masyarakat secara lebih luas.

Secara keseluruhannya, inovasi dalam produk hibah melalui teknologi digital, dan fleksibiliti syarat menunjukkan bahawa instrumen ini semakin relevan dan serasi dengan kehendak masyarakat masa kini. Perkembangan ini bukan sahaja memudahkan pengurusan harta, tetapi turut meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap hibah sebagai suatu mekanisme perancangan harta yang berkesan dan berdaya tahan. Oleh itu, inovasi dan variasi produk hibah di Malaysia menunjukkan evolusi instrumen perancangan harta Islam yang semakin relevan dan berkesan bagi memenuhi keperluan masyarakat moden

CABARAN TERHADAP INOVASI DAN VARIASI HIBAH

Kajian menunjukkan bahawa tahap literasi masyarakat terhadap hibah masih rendah (Ghalid & Muhamad Zuhaili, 2023). Ramai individu tidak memahami berkenaan hibah serta bagaimana hibah boleh dimanfaatkan untuk pengurusan harta semasa hayat. Kekurangan pemahaman ini menyebabkan potensi hibah sebagai mekanisme pengagihan harta yang adil dan patuh syariah kurang diterokai oleh masyarakat.

Selain itu, kos pentadbiran turut menjadi cabaran dalam pelaksanaan hibah melalui institusi kewangan Islam. Proses formal hibah memerlukan dokumentasi yang sah, pemantauan oleh jawatankuasa syariah, dan audit kepatuhan. Kos-kos ini boleh menjadi penghalang terutama bagi individu yang ingin menyediakan hibah dalam jumlah kecil tetapi tetap mahu memastikan ia sah dari segi syariah.

Tambahan pula, kepatuhan syariah dalam hibah bukan sahaja melibatkan aspek dokumentasi tetapi juga pelaksanaan yang tepat. Kekurangan pakar syariah yang berkelayakan dan panduan yang jelas boleh menimbulkan risiko pertikaian atau ketidakadilan dalam pengagihan harta hibah (Abu Bakar, Zulkafli, & Nooh, 2024). Oleh itu, institusi perancangan harta perlu memperkukuh sistem pengurusan hibah, termasuk menyediakan panduan yang mudah difahami dan memberi nasihat yang tepat kepada pelanggan.

Peningkatan literasi masyarakat mengenai hibah adalah kunci untuk memaksimumkan manfaatnya. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, masyarakat dapat menggunakan hibah untuk menguruskan harta semasa hayat, membantu keluarga, atau menyalurkan sumbangan kepada badan amal secara sah dan patuh syariah. Langkah-langkah seperti pendidikan, promosi melalui institusi kewangan, dan latihan kepada pakar syariah dapat membantu mengurangkan cabaran ini, sekaligus meningkatkan penggunaan hibah secara berkesan di Malaysia.

KESIMPULAN

Perancangan harta melalui hibah merupakan salah satu instrumen yang penting dalam pengurusan harta masyarakat Islam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa inovasi dalam

amalan hibah di Malaysia meliputi penerapan teknologi digital, peningkatan fleksibiliti syarat, dan peluasan skop pengurusan harta, dengan pelbagai bentuk hibah seperti hibah mutlak, hibah bersyarat, dan hibah amanah diaplikasikan bagi memenuhi keperluan masyarakat. Walaupun demikian, pelaksanaannya masih menghadapi cabaran seperti tahap literasi masyarakat yang rendah, kos pentadbiran yang tinggi, serta isu pematuhan syariah. Kajian ini mendapati bahawa kepelbagaian produk hibah membolehkan pemilik harta memilih mekanisme perancangan yang bersesuaian, sementara pelaksanaan hibah dapat memperkukuh sistem pengurusan harta, melindungi hak penerima, meminimumkan pertikaian, dan memastikan pengagihan harta yang adil serta selaras dengan prinsip syariah.

Kepentingan literasi awam, penerangan berterusan, dan sokongan undang-undang yang mantap turut ditekankan bagi meningkatkan keberkesanan hibah sebagai instrumen perancangan harta. Penglibatan bersepadu antara kerajaan, institusi kewangan Islam, sarjana syariah, dan agensi perancangan harta dijangka dapat menjadikan hibah lebih sistematik, inklusif, dan berkesan, sambil memperkukuh keharmonian keluarga dan kebajikan waris. Selanjutnya, kajian ini mencadangkan kajian lanjutan untuk menilai kesan penggunaan teknologi digital, khususnya *platform* hibah atas talian, terhadap kecekapan, keselamatan, dan keberkesanan keseluruhan proses hibah di Malaysia, bagi memastikan perancangan harta terus relevan dan responsif kepada perkembangan teknologi serta keperluan masyarakat moden. Secara keseluruhan, inovasi dan variasi produk hibah berpotensi memperkukuh perancangan harta Islam serta mengurangkan risiko pertikaian pusaka.

RUJUKAN

- Abdullah, A., & Moidin, R. (2025). Perancangan harta Islam: Pendekatan hibah dan amanah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah, A., Azmi, N., Mohd Izzat, M., & Azhar, A. (2024). Hibah sebagai instrumen perancangan harta Islam: Kajian kontemporari. *Jurnal Perancangan Harta Islam*, 12(1), 45–62.
- Abdullah, M. M., Awang, A. B., & Zakaria, M. S. (2023). Analysis of trust instrument in Islamic estate planning: A study case at Amanah Raya Berhad, Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 14(8),

- 1404–1425. <https://doi.org/10.1108/JIABR-02-2022-0057>
- Abdullah, M. M., Awang, A. B., Zakaria, M. S., & Nor Muhamad, N. H. (2023). Analisis kefahaman instrumen amanah (trust) dalam pentadbiran harta pusaka di negeri Perlis. *Akademika*, 93(1), 117–136. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-10>
- As-Salihin Trustee Berhad. (2023). Perkhidmatan wasiat dan amanah. <https://www.assalihin.com.my>
- Amanah Saham Nasional Berhad. (2024). Hibah Amanah. <https://www.asnb.com.my/hibahamanah.php>
- Azmi, A. F., Abdullah, N., & Mohd Izzat, M. (2021). Konsep dan jenis hibah dalam perancangan harta Islam. *Jurnal Hukum Islam*, 9(2), 55–72.
- CIMB Islamik. (2025). Rancang hibah. <https://www.cimb.com.my/bm/personal/islamic-banking/islamic-wealth-management/wealth-distribution/hibah-harta/rancang-hibah.html>
- Dagang News. (2021, September 14). Jumlah kes pusaka kecil tertunggak meningkat. <https://www.dagangnews.com>
- Dagang News. (2024, April 1). Hibah digital UsrahDD disahkan Mahkamah Syariah Johor. <https://www.dagangnews.com>
- Dagang News. (2024, April 3). Pengalaman digital Wasiyyah Shoppe tidak mudah tetapi berjaya direalisasikan. <https://www.dagangnews.com>
- Dagang News. (2024, Disember 18). Pengalaman proses pendigitalan hibah Wasiyyah Shoppe Berhad. <https://www.dagangnews.com>
- Ghalid, S. N., & Muhamad Zuhaili, B. (2023). The level of awareness of hibah among Muslim residents in Raub, Pahang. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(2). <https://doi.org/10.24191/jcis.v9i2.10>
- Halim, F., & Ahmad Bustami, A. (2019). Hibah sebagai instrumen perancangan harta: Analisis undang-undang dan syariah. *Jurnal Syariah Malaysia*, 11(1), 60–78.
- Halim, A. H., Yusoff, R. M., Arshad, A., Noor, N. A. M., & Sanek, S. K. A. (2025). *Unclaimed estates in West Malaysia: A legal analysis and reform proposals on non-administered estates*. *IUM Law Journal*, 33(2), 39–68.
- Harian Metro. (2020, Januari 15). Nilai harta pusaka tidak dituntut capai RM70 bilion. <https://www.hmetro.com.my>
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Makram bin Ali. 1414. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir
- Ibrahim, N., Ismail, S., Sopian, R., Ramli, R., & Idris Shazali, M. (2024). Kesan pindaan Akta Harta Pusaka Kecil terhadap sistem pengurusan pusaka. *Jurnal Undang-Undang dan Pusaka*, 6(1), 33–52.
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). (2023). Laporan tahunan pentadbiran pusaka kecil. Putrajaya: JKPTG.
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan. (2025). Soalan Lazim: Pusaka Kecil. <https://www.jkptg.gov.my/my/47-faq/pusaka-kecil/1084-pusaka-kecil>
- Jaapar, A., Moidin, R., & Arif, M. (2024). Hibah amanah dan pembangunan lestari: Implikasi sosial-ekonomi. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 5(2), 88–107.
- Kamal, I. M. M., & Said, N. L. M. (2025). Examining hibah contracts in Islamic law: Insights from the 2021 Selangor State Fatwa. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 15(5), 154–160. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v15-i5/25316>
- Kamarudin, M. K., & Nor Muhamad, N. H. (2018). Islamic estate planning and management: Malaysian experience. *International Journal of Management Applications*, 1(1), 8–16.
- Kementerian Sumber Asli, Tenaga dan Air. (2022). Klinik tunggakan kes pusaka: Laporan program. Putrajaya: Kementerian Sumber Asli, Tenaga dan Air.
- Lembaga Tabung Haji. (2025). Terma & Syarat Hibah Amanah. <https://thstaging.pocketpixel.com/ms/terma-syarat-hibah-amanah>
- Mahmod, W. A., Abdullah, R., & Noh, M. (2022). Digitalisation trends in Islamic wealth management. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 13(5), 802–818.
- Moidin, S., Mat Rani, M. A., Adenan, F., Mohd Arif, M. I. A., Saiman, M. Z., Suyurno, S. S., Mamat, N., Ab. Hamid, M. H., & Rosli, M. S. D. (2023). Maslahah standards in the implementation of hibah amanah in Malaysia: Piawaian masalah dalam pelaksanaan hibah amanah di Malaysia.

- Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 30(2), 207–214
- Mohd Izzat, M., Azmi, A., & Abdullah, N. (2023). Hibah sebagai alat perancangan harta di Malaysia. *Jurnal Kewangan dan Perancangan Harta*, 12(2), 101–119.
- Mokhtar, M. F., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2020). Pembuktian melalui dokumen dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. *INSLA e-Proceeding*, 1(1), 45–60
- Muda, Z., Rosdi, N., & Mohamed Said, N. L. (2022). Hibah amanah dan pengurusan harta bercagar. *Jurnal Pengurusan Harta Islam*, 10(3), 55–74.
- Muda, Z., et al. (2023). Pengurusan harta tak alih melalui hibah mutlak dan amanah. *Jurnal Ekonomi dan Syariah*, 11(2), 45–63.
- Nor Muhamad, N. H. (2009). Elemen Qabd (Pindahan Milikan) dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-Undang Islam. *Jurnal Syariah*, 17(2), 243–266
- Nor Muhamad, N. H., Che Yaacob, A., & Mat Hussain, N. (2017). Konsep hibah bersyarat dan aplikasinya dalam perancangan harta. *UMRAN. Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 4(3-1), 32–41. <https://doi.org/10.11113/umran2017.4n3-1.251>
- Othman, N. S., Mohamed Said, N. L., Muda, M. Z., & Nor Muhamad, N. H. (2017). Analisis kes amalan hibah bersyarat di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(2), 135–142. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3902-05>
- Parlimen Malaysia. (2023, 28 November). Penyata Rasmi Dewan Rakyat: Perbahasan penyelesaian backlog kes pusaka. Dewan Rakyat. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/DR-28112023.pdf>
- Roslan, N. F., & Ahmad, A. A. (2022). Pentadbiran harta pusaka dan implikasi negatif harta tidak dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001453. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453>
- Said, N. L. M., Yusoff, A. M., Muda, M. Z., & Zakaria, Z. (2022). The Implementation of Hibah Ruqba in Malaysia Asset Management Planning Industry in Accordance to Maqasid Shariah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9), 560–568. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i9/14641>
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad. (2024). Hibah lil waqaf. <https://waqafannur.com.my/Hibah-Lil-Waqaf>
- Wasiyyah Shoppe Berhad. (2019). Dah hibah, masih dapat manfaat?. <https://wasiyyahshoppe.com.my/archives/16430>
- Wasiyyah Shoppe Berhad. (2022). Penyediaan dan pelaksanaan dokumen hibah. <https://wasiyyahshoppe.com.my/hibah>
- Yaacob, A. M. (2019). Mahkamah Syariah di Malaysia: Shariah court in Malaysia. *Jurnal Syariah*, 21(1), 75–88
- al-Zuhayli, Wahbah. 2004. *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Jil V. Damsyik: Dar al- Fikr

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادي واجتماعي مع رؤية عُمان ٢٠٤٠ <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia <i>Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia</i> Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda	92-103
Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran <i>Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges</i> Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram	104-109